

Barita Harian 13.1.98

# UMS laksana perbelanjaan berhemat

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) memberi perhatian serius terhadap seruan kerajaan ke arah melaksanakan perbelanjaan berhemat sebagai komitmen bersama membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara dengan secepat mungkin.

Justeru Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman, berkata beberapa langkah khusus digariskan bagi menangani masalah itu sebagai menyangkut seruan berkenaan.

Antaranya, beliau berkata, pihak universiti berkenaan akan mengurangkan dan jika perlu, memberhentikan perjalanan kakitangan di dalam serta luar negara yang dianggap tidak penting.

Bagaimanapun, katanya, sebarang tindakan atau langkah yang diambil itu akan dilaksanakan dengan memastikan kecemerlangan pencapaian akademik tidak terjejas.

Selain itu, menurutnya, langkah berjimat-cermat juga akan diberi tumpuan dari segi mengurangkan

perolehan peralatan pengajaran serta bekalan kegunaan universiti.

"Dalam soal ini, keutamaan hanya akan diberi kepada perolehan peralatan serta bekalan yang penting.

"Di samping itu, pihak universiti ini juga akan menghadkan tuntutan bayaran kerja lebih masa kepada yang perlu serta mengikut kepentingan saja," katanya.

Berikutan masalah kejatuhan nilai mata wang ringgit dan pasaran saham di dalam negara sejak beberapa bulan lalu, kerajaan bertindak melaksanakan kempen belanjawan berhemat serta menyeru rakyat berjimat-cermat.

Malah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, dalam ucapan tahun barunya turut menggariskan sembilan langkah penjimatan untuk dilaksanakan di Kementerian.

Menurut Najib, cabaran utama akan dihadapi oleh warga pendidiktempatan dalam senario sekarang ialah menentukan kualiti pendidikan yang diberi sama ada di pe-

ringkat rendah, menengah mahupun tinggi, bukan saja tidak terjejas malah dapat ditingkatkan walaupun dengan sumber terhad.

Sejajar dengan matlamat Kementerian itu, Dr Abu Hassan berkata, UMS juga sedang giat berusaha mempertingkatkan produktiviti serta mutu kerja kakitangan sebagai salah satu langkah mengurangkan kos.

Sehubungan itu, beliau berkata, pelbagai kegiatan berkaitan diadakan seperti pelaksanaan pengurusan yang berkualiti, kawalan lebih rapi dan mengadakan program latihan dalaman.

"Seterusnya, pengurangan juga akan dilaksanakan dari segi penganjuran seminar serta majlis rasmi universiti di hotel di samping kerja pengubahsuaian pejabat dan yang berkaitan.

"Pihak universiti akan turut mengurangkan pengambilan pensyarah sambilan kecuali di dalam bidang yang kritikal saja, selain melaksanakan penjimatan kos penggunaan elektrik dan air," katanya.